

14/09/2003

Tambahan dana tingkat jumlah peniaga kecil

KUALA LUMPUR: Dana Skim Kredit Mikro yang dinaikkan kepada RM1 bilion menerusi Bajet 2004 kelmarin, mampu memberi peluang kepada lebih ramai rakyat menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, berkata pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

"Pertambahan dana untuk Skim Kredit Mikro adalah antara manfaat yang diberikan kerajaan untuk membantu golongan peniaga kecil mendapatkan pinjaman bagi menjalankan perniagaan, termasuk di sekitar ibu negara yang mempunyai sejumlah besar peniaga kecil.

"Terutama ketika ekonomi dalam keadaan yang kurang memberangsangkan, rakyat akan memberi tumpuan kepada sektor tidak formal untuk menambah pendapatan diri dan keluarga," katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini, semalam.

Skim Kredit Mikro yang diwujudkan Mei lalu diuruskan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) dengan jumlah kredit RM300 juta dan RM500 juta.

Ia mampu dipinjam peniaga kecil di seluruh negara dengan kadar pinjaman maksimum RM20,000.

Setiap pinjaman itu dikenakan kadar faedah empat peratus setahun dan bayaran itu berdasarkan aliran tunai peminjam.

Setakat awal bulan ini, RM367 juta pinjaman untuk peniaga kecil sudah diluluskan daripada 34,712 permohonan yang diterima .

Mohamad Shaid berkata, sambutan menggalakkan terhadap skim berkenaan membuktikan rakyat menyokong usaha menyediakan ruang untuk rakyat menaikkan taraf hidup.

Mengenai usaha untuk menaikkan taraf ruang niaga penjaja di sekitar Kuala Lumpur, beliau berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukannya sejak tahun lalu.

"Beberapa tapak niaga baru dibina selain langkah untuk menjadikan kawasan Kampung Baru sebagai pusat makanan antarabangsa termasuk sekitar Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Muda Musa," katanya.